

HARI MINGGU BIASA YANG KE-24 DALAM TAHUN – A

Sirakh 27: 30-28:7

Mazmur 102(103): 1-4.9-12.R.v.8

Matius 18:21-35

Tema: KITA MENGAMPUNI SESAMA SENDIRI KERANA TUHAN TELAH MENGAMPUNI KITA TERLEBIH DAHULU.

1. Hari ini merupakan hari minggu biasa yang ke-24 dalam tahun A. Pembacaan-pembacaan hari ini memberitahu kita tentang pengampunan. Pembacaan-pembacaan tersebut telah memberitahu kita untuk mengampuni sesama sendiri kerana Tuhan telah mengampuni kita terlebih dahulu.

Pembacaan injil hari ini memberitahu kita harus mengampuni bukan hanya 7 kali, tapi 77 kali, atau 70 kali 7 kali (penterjemahan yang lain), kerana Tuhan telah mengampuni kita 77 kali, atau 70 kali 7 kali! Pembacaan injil juga memberitahu kita satu perumpamaan (aneh bagi Matius) di mana seorang raja yang telah mengampuni hambanya yang berhutang dengan jumlah wang yang banyak, tetapi hambanya itu tidak mengampuni seorang hamba lain yang berhutang dengan jumlah wang yang sedikit! Oleh itu, raja tersebut sangat marah dan telah meletakkan hambanya yang tidak sanggup mengampuni itu ke dalam penjara sehingga dia membayar balik kesemua jumlah wang yang dipinjamnya.

Pembacaan injil itu diakhiri dengan memberitahu kita, jika kita tidak mengampuni orang lain dengan sepenuh hati, maka Tuhan juga tidak akan mengampuni dosa kita! Inin merupakan tanggapan negatif, bahawa kita harus mengampuni sesama kita kerana Tuhan telah mengampuni kita terlebih dahulu!

2. Sakali lagi dalam pembacaan pertama dari kitab Sirakh memberitahu kita, jika kita mengampuni satu sama lain, Tuhan akan mengampuni kita, tetapi jika kita tidak mengampuni satu sama lain, maka Tuhan juga tidak akan mengampuni kita:

“Barangsiapa membalas dendam akan dibalas oleh Tuhan. Tuhan dengan saksama mengindahkan segala dosanya. Ampunilah kesalahan kepada sesama orang, nescaya dosa-dosamu pun akan dihapus juga, jika engkau berdoa. Bagaimana gerangan orang dapat memohon penyembuhan pada Tuhan, jika ia menyimpan marah kepada sesama manusia? Bolehkah ia berdoa kerana dosa-dosanya, kalau tidak menaruh belas kasihan terhadap seorang manusia yang sama dengannya? Meskipun ia hanya daging belaka, namun ia menaruh dendam kesumat, siapa gerangan akan memulihkan dosa-dosanya? (Sirakh 28:1-5)

3. Dan yang penting sekali, dalam sahatan kepada mazmur tanggapan memberitahu kita “ Tuhan itu pengasih dan penyayang, lambat akan marah dan penuh kasih setia”! (Mzm103:8)

Mazmur sahatan itu sendiri memberitahu kita “Dia yang mengampuni segala kesalahanmu, yang menyembuhkan segala penyakitmu, Dia yang menebus hidupmu dari lubang kubur, yang memahkotai engkau dengan kasih setia dan rahmat.”! (Mzm 103:3-4)

Sekali lagi, mazmur sahutan memberitahu kita “Tidak dilakukan-Nya kepada kita setimpal dengan dosa kita, dan tidak dibalas-Nya kepada kita setimpal dengan kesalahan kita.”! (Mzm 103:10)

Dan akhirnya, mazmur sahutan menyatakan “Sejauh timur dari barat, demikian dijauhkan-Nya (Tuhan) daripada kita dosa-dosa kita.”! (Mzm 103:12)

4. Kesimpulannya, saya ingin menambah bahawa pengampunan adalah daripada Tuhan, bukan sahaja untuk hubungan di antara perhubungan peribadi, tetapi pengampunan adalah dari Tuhan juga untuk hubungan di dalam perhubungan peribadi, iaitu perhubungan dengan sesama sendiri, dan juga perhubungan peribadi-meta berbentuk gabungan, iaitu, perhubungan dengan masyarakat dan juga dengan orang awam!

Berhubung dengan pengampunan bagi perhubungan dalaman peribadi, kita haruslah mengampuni diri kita sendiri terlebih dahulu, sebelum kita boleh mengampuni orang lain! Jika kita tidak dapat mengampuni diri kita sendiri, kita tidak dapat mengampuni orang lain! Sekali lagi, kita mengampuni diri sendiri, kerana Tuhan terlebih dahulu mengampuni kita!

Berhubung dengan pengampunan bagi perhubungan peribadi-meta, saya ingin mengulangi kata-kata mendiang Bapa Suci kita, Yohanes Paulus II: “Tiada kedamaian tanpa keadilan, tetapi juga tiada keadilan tanpa pengampunan”! Dengan kata lain, tanpa pengampunan, sudah tentu tiada keadilan, dan tanpa keadilan sudah tentu tiada kedamaian! Secara ringkasnya, tiada kedamaian di dunia tanpa pengampunan!

Petikan tersebut merupakan relevan terutamanya kepada kita, pada hari ini, ulangtahun ke-4 “September 11” semasa “World Trade Centre”(WTC) Pusat Dagangan Dunia di USA pada tahun 2001 telah dimusnahkan oleh “pengganas” yang dilakukan dengan misi berani mati, dengan menghempaskan dua buah kapal terbang ke atasnya serta memusnahkannya habis-habisan!

Tetapi darimanakah datangnya pengampunan? Pengampunan datang daripada Tuhan: “ membuat kesilapan adalah lumrah manusia, untuk mengampuni merupakan sesuatu yang berkenaan dengan Tuhan”!

5. Di dalam Ekaristi hari ini kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus, dan kita akan makan tubuh-Nya dan minum darah-Nya, dan Tuhan kita yang telah bangkit akan memberikan Roh Kudus-Nya kepada kita, dan mengampuni dosa-dosa kita, dan dengan pengampunan inilah, kita mengampuni diri kita sendiri, mengampuni orang lain serta mengampuni dunia!

Amen!

Soalan-soalan yang dicadangkan bagi renungan peribadi, dan untuk perkongsian di dalam sesebuah keluarga, di dalam sesebuah kumpulan kecil, serta sesebuah komuniti kecil:

1. Apakah mesej petikan Injil hari ini kepada anda: “ Petrus datang kepada Yesus dan bertanya, “Ya Tuhan, jika saudaraku berdosa terhadap aku, berapa kalikah harus aku ampuni dia? Sehingga tujuh kalikah? Yesus menjawab, ‘Bukan tujuh kali, tetapi tujuh puluh kali tujuh kali’”? (Mt 18:21-22)

Sekali lagi, apakah mesej petikan Injil hari ini kepada anda: “Lalu raja memanggil pegawai yang jahat itu dan bertitah, ‘Hai hamba yang jahat! Semua hutangmu sudah dihapuskan kerana kamu memohon supaya beta mengampunimu. Sepatutnya kamu mengasihani rakanmu, sebagaimana beta sudah mengasihani kamu?’”(Mt 18:32-33)

2. Apakah mesej petikan daripada pembacaan pertama kepada anda hari ini: “ Tetapi seorang yang mengampunkan kesalahan orang lain akan diampuni jika dia berdoa”? (Sirakh 28:2)

3. Apakah mesej sahutan bagi mazmur tanggapan kepada anda: “Tuhan pengasih dan penyayang, panjang dan sabar, dan penuh dengan kasih”? (Mazmur 103 :8)

Apakah mesej ayat mazmur tanggapan tersebut kepada anda: “ Dia mengampunkan segala dosaku, dan menyembuhkan segala penyakitku; Dia menyelamatkan aku daripada kematian dan memberkati aku dengan kasih dan rahmat’?(Mazmur 103:3-4)

Sekali lagi, apakah mesej ayat mazmur tanggapan tersebut kepada anda: “Dia tidak menghukum kita setimpal dengan dosa kita, Dia tidak membalas kita setimpal dengan kesalahan kita.”?(Mazmur 103:10)

Akhirnya, apakah mesej ayat mazmur tanggapan tersebut kepada anda: “Sejauh timur dari barat, sejauh itu juga dibuang-Nya dosa kita.”?(Mazmur 103:12)

4. Kenapakah anda mengampuni mereka yang bersalah kepada anda? Berapa kerap anda mengampuni mereka yang bersalah terhadap anda: 7 kali ataupun 77 kali? Adakah Tuhan mengampuni anda dan dosa anda? Berapa kerap Tuhan mengampuni anda dan dosa anda: 7 kali ataupun 77 kali?

5. Adakah anda mengampuni diri anda sendiri? Berapa kerap anda mengampuni diri anda sendiri? 7 kali ataupun 77 kali? Jikalau anda tidak mengampuni diri anda sendiri, dapatkah anda mengampuni orang lain? Kenapakah anda mengampuni diri anda sendiri? Adakah Tuhan mengampuni anda dan dosa anda? Berapa kerap Tuhan mengampuni anda dan dosa anda: 7 kali ataupun 77 kali?

6. Apakah pendapat anda terhadap pepatah tersebut: “Melakukan kesilapan adalah lumrah manusia, untuk mengampuni merupakan berkenaan dengan Tuhan”?

7. Pernahkah anda memohon pengampunan? Pernahkah orang lain memohon pengampunan daripada anda? Pernahkah anda memohon pengampunan daripada Tuhan?

8. Adakah anda mengampuni seseorang yang tidak kesal akan kesalahannya? Adakah anda mengampuni seseorang yang tidak menyatakan penyesalan terhadap kesalahannya? Adakah anda mengampuni seseorang yang tidak menyesal terhadap kesalahannya?

9. Apakah mesej ayat-ayat daripada Injil Lukas hari ini kepada anda: “Yesus berkata terhadap murid-murid-Nya, Jika saudara kamu berdosa tegurlah dia. Jika dia bertaubat, ampunilah dia. Jika dia berdosa terhadap kamu tujuh kali dalam sehari, dan tiap-tiap kali dia datang kepada kamu serta berkata, ‘Saya minta ampun,’ kamu harus mengampuninya.”?(Lukas 17:3-4)

10. Apakah mesej ayat-ayat daripada Injil Lukas hari ini kepada anda: “Apabila tiba di tempat yang disebut “Tengkorak”, mereka menyalibkan Yesus dan kedua-dua orang penjahat itu-seorang di sebelah kanan Yesus dan seorang di sebelah kiri-nya. Yesus berkata, ‘Ya Bapa, ampunilah mereka! Mereka tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka.’”?

11. Dapatkah kita mengasihi orang yang kita tidak kenal dan orang yang kita tidak faham? Dapatkah kita mengampuni orang yang kita tidak kenal dan orang yang kita tidak faham?

12. Adakah anda mempunyai sebarang perkongsian lain yang ingin diperkongsikan?